



## Perbandingan indeks kelestarian hidup dan kemudahancaman komuniti minoriti Orang Asli di Semenanjung Malaysia

Mustaffa Omar<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Mustaffa Omar (email: momar@ukm.edu.my)

### Abstrak

Kelestarian hidup yang dikecapi masyarakat Orang Asli masih kurang memuaskan di negara ini. Harapan untuk mereka berkembang maju seiring dan sederap dengan kelompok-kelompok lain di negara ini menjelang tahun 2020 masih kabur. Kertas ini menawarkan suatu analisis perbandingan kelestarian hidup komuniti minoriti Orang Asli dari kumpulan Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Selain itu, tulisan ini juga bertujuan menganalisis tekanan-tekanan dari faktor alam sekitar, sosial, ekonomi dan budaya yang turut menyumbang kepada keterancaman beberapa kumpulan minoriti Orang Asli di negara ini. Andaian atas kajian ini bahawa penguasaan anggota sesuatu komuniti ke atas enam domain modal (modal kewangan, modal sosial, modal budaya, modal fizikal, modal semulajadi, dan modal manusia) dapat memperkasakan kedudukan dan meningkatkan kesejahteraan hidup mereka. Namun begitu, kepelbagaiannya ancaman yang wujud dalam bentuk kejutan, perubahan tren dan bersifat bermusim telah memberi impak negatif ke atas pemilikan aset dan kelestarian hidup mereka. Bagi menanggani faktor keterancaman ini, intervensi polisi pemerintah dan inisiatif lokal setempat perlu dipertingkatkan bagi menghadapi segala macam ancaman yang wujud.

**Katakunci:** ancaman, asset modal, indeks kelestarian, kelestarian kehidupan, kemudahterancaman, Orang Asli

## Sustainable livelihood index and the vulnerability of the aboriginal minority communities in Peninsular Malaysia: A comparative analysis

### Abstract

The sustainability of livelihood enjoyed by aboriginal or indigenous peoples in Malaysia is still less than satisfactory. Hope for them to advance in tandem with other major ethnic groups in the country by 2020 is still vague. This study offered a comparative analysis of the survival of the minority aboriginal communities of Negrito, Senoi and Proto-Malay groups by analysing the environmental, social, economic and cultural pressures that contributed to their vulnerable situations. The underlying assumption of this study was that the community acquisition of financial capital, social capital, cultural capital, physical capital, natural capital, and human capital should strengthen their living condition and increase their wellbeing. However, it was found that the diversity of threats that prevailed in the form of psychological shocks, changing trends and seasonality had rendered a negative impact on the protection and preservation of their lives. To mitigate, government's policy interventions and local initiatives should be enhanced to help them cope effectively with all kinds of existential threats they were liable to experience.

**Keywords:** aboriginal, capital assets, existential threats, sustainability index, sustainable livelihood, vulnerability

## Pengenalan

Semenjak merdeka pada tahun 1957, sebahagian besar masyarakat Orang Asli berbanding kaum-kaum utama lain di negara ini masih lagi dibelenggu dengan masalah kemiskinan. Menurut Suki Mee (2003), hingga setakat ini, pembangunan masyarakat Orang Asli di negara ini tidak serancak masyarakat lain. Tahap kemajuan yang dikecapi masih kurang memuaskan jika hendak dibanding dengan masyarakat lain di negara ini. Ini bermakna harapan untuk melihat mereka berjaya seiring dengan kelompok-kelompok lain di negara ini menjelang tahun 2020 masih kabur. Menurut Mustaffa (2008) pula, ramai dalam kalangan masyarakat Orang Asli sehingga kini masih ketinggalan dan terpinggir daripada arus perdana pembangunan. Bagi Kua Kia Song (2002), komuniti Orang Asli di negara ini dilihat semakin tergugat dan tersepit di tengah-tengah arus pembangunan semasa. Menurut Nor Hayaati Abdul Rashid (2005), mereka masih tidak dapat menyaingi dan bergerak seiring dengan kaum-kaum lain di negara ini meskipun pihak kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan agensi-agensi kerajaan lain telah menyediakan pelbagai bantuan pendidikan, kewangan, subsidi pertanian dan ternakan, khidmat kesihatan dan makanan percuma, peluang perniagaan serta perumahan.


Kertas ini menawarkan suatu analisis perbandingan kelestarian hidup komuniti minoriti Orang Asli dari kumpulan Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Tulisan ini juga bertujuan bagi mengkaji dan menganalisis tekanan-tekanan dari faktor alam sekitar, sosial, ekonomi dan budaya yang turut menyumbang kepada keterancaman beberapa kumpulan minoriti Orang Asli di negara ini.

Tulisan ini bergerak atas andaian bahawa penguasaan anggota sesuatu komuniti ke atas enam domain modal (modal kewangan, modal sosial, modal budaya, modal fizikal, modal semulajadi, dan modal manusia) dapat memperkasakan kedudukan dan meningkatkan kesejahteraan hidup mereka untuk suatu jangkamasa yang panjang. Namun begitu, kepelbagaiannya ancaman yang wujud secara serentak juga boleh memberi impak negatif ke atas pemilikan aset dan peluang kehidupan mereka. Secara am, faktor-faktor luaran yang bersifat mengancam ini diklasifikasikan dalam tiga bentuk iaitu ancaman berbentuk kejutan (cth. bencana alam sekitar, konflik industri, serangan pasaran saham, pencerobohan asing); ancaman daripada perubahan tren pasaran dan alam sekitar (cth. kepupusan sumber, perubahan teknologi, perubahan cuaca); dan ancaman akibat pusingan dan perubahan secara bermusim (cth. turun naik harga pasaran, pembuangan pekerja, catuan bekalan dan seumpama). Diandaikan bahawa dalam jangkamasa pendek, tidak banyak yang boleh dilakukan untuk mengatasi faktor keterancaman ini. Namun, peranan badan-badan sukarela dan agensi pembangunan tajaan pemerintah boleh membantu mengatasi keadaan kritikal ini dalam jangka masa panjang. Antaranya, tindak balas institusi melalui pelaksanaan program-program tertentu anjuran pemerintah dapat meningkatkan daya tahan atau melindungi penduduk daripada ancaman seumpama ini. Selain itu, institusi kemasyarakatan dan pembangunan setempat juga boleh berperanan atas inisiatif sendiri mempromosi pelbagai pilihan dalam usaha membantu anggota komuniti menanggani sesuatu masalah atau ancaman. Institusi-institusi ini perlu memberi fokus kepada usaha meluaskan akses kepada pelbagai asset modal dan menyokong perubahan struktur dan proses yang boleh membantu anggota komuniti. Tumpuan juga harus diberi kepada meningkatkan jaringan keselamatan sosial bagi mereka yang tidak dapat mencapai objektif kehidupan lestari melalui sistem pasaran sedia ada.

## Kerangka konseptual kajian

Pendekatan kajian ini adalah berpandukan perspektif kerangka kelestarian kehidupan (*Sustainable Livelihood Framework – SLF*) anjuran UK's Department for International Development (1999). Menurut pendekatan SLF ini, kelestarian kehidupan sesebuah komuniti amat bergantung kepada penguasaan mereka ke atas faktor-faktor berikut: (i) Akses kepada asset atau modal (capital) - ketidak seimbangan atau ketiadaan jaminan akses kepada set aset berikut (modal manusia, modal sosial, modal fizikal, modal semula jadi, dan modal kewangan) boleh menggugat kelestarian dan kelangsungan hidup sesebuah komuniti tersebut. (ii) Konteks kemudahancaman (vulnerability) - ketidakupayaan sesuatu komuniti untuk mengekalkan dan menanggani ancaman-ancaman berbentuk kejutan (shocks), perubahan bersifat

bermusim (seasonal changes) atau mengikut tren (trend) juga boleh mengancam kelangsungan hidup mereka. (iii) Sokongan atau halangan dasar, institusi dan proses - kurangnya sokongan atau halangan dasar, institusi, dan proses dari segi ketersampaian dan penggunaan (utiliti) sesuatu aset boleh meletakkan sesuatu komuniti berada dalam kedudukan yang mudah terancam (endanger), dan (iv) Pilihan strategi kehidupan lokal yang kurang baik atau tidak mapan - faktor ini juga boleh menyumbang kepada ketidak lestarian hidup komuniti berkenaan berikutan kurangnya inisiatif lokal untuk berdaya tahan dalam menghadapi dan menanggani sesuatu cabaran atau perubahan yang berlaku. Rajah 1 menawarkan secara konseptual kerangka pemikiran bagi menjelaskan pengaruh beberapa petunjuk utama daripada faktor (i) hingga (iv) di atas dan hubungkaitnya dengan kelestarian hidup sesebuah komuniti.



Rajah 1. Kerangka konseptual pengaruh beberapa petunjuk utama bagi menjamin kelestarian hidup komuniti

## Metod kajian

Kajian melibatkan tiga kaedah dalam proses pengumpulan data. Bagi pengumpulan data kuantitatif, teknik tinjauan berpandukan satu set soalselidik berstruktur telah dilaksanakan. Sementara bagi tujuan mengumpul data kualitatif pula, teknik temubual tidak formal secara bersemuka dengan beberapa individu berwibawa, dan pemerhatian sewaktu dilapangan telah dijalankan. Bagi tujuan perbincangan dalam tulisan ini, perhatian hanya diberikan kepada menganalisis data kuantitatif yang telah dikumpulkan melalui kaedah tinjauan soalselidik berstruktur.

## Ukuran Indeks Kelestarian Hidup Komuniti

Ukuran Indeks Kelestarian Hidup Komuniti dalam kajian ini dihasilkan melalui tiga peringkat penelitian dengan berpandukan kepada formula pengiraan berikut. Pada peringkat pertama dilakukan perkiraan bagi mendapatkan **skor indikator** dalam setiap domain. Terdapat sembilan domain dalam kajian ini dan setiap satu domain pula diwakili oleh sejumlah item tertentu. Misalnya, domain modal insan diwakili 16 item; modal sosial (22 item); modal kewangan (16 item); modal fizikal (45 item); modal semulajadi (16 item);

modal budaya (5 item); domain keterancaman (12 item); domain intervensi polisi (7 item); dan domain strategi lokal/institusi tempatan (10 item). Gabungan item daripada kesembilan domain ini menjadikan jumlah keseluruhan item-item ini sebagai perwakilan dalam ukuran indeks kelestarian hidup berjumlah 149 item.

Peringkat analisis kedua melibatkan langkah memperoleh skor pencapaian bagi setiap domain kelestarian hidup yang dikenali sebagai **skor domain**. Setiap skor domain ini diselaraskan (*normalization*) kepada 10 mata skala menggunakan kaedah Min-Max (OCED, 2008) dengan tujuan untuk menyeragamkan analisis dan interpretasi data. Skor domain diperolehi melalui purata skor bagi semua indikator yang terdapat dalam sesuatu domain. Melalui skor domain ini, maka dapat ditentukan kedudukan pencapaian untuk satu domain berbanding dengan domain yang lain. Nilai skor domain yang mendekati nilai 10 menunjukkan kedudukannya yang cukup memberangsangkan dari segi sumbangan dan kedudukan domain tersebut. Sementara, bagi domain keterancaman pula, semakin rendah nilai skor yang diperolehi (skor domain keterancaman mendekati kosong) bermakna semakin kurang sesebuah komuniti itu berhadapan dengan ancaman yang boleh menggugat kesejahteraan hidup mereka.

**Jadual 1. Formula bagi pengiraan skor indikator, skor domain dan Indeks Komposit Kelestarian Hidup Komuniti kajian**

Jenis Perkiraan	Formula	Petunjuk
Skor Indikator	$\sum_{i=1}^n [(M_x - M_{\min}) \div (M_{\max} - M_{\min})] \times 10$	$\sum$ : Jumlah Skor $M_x$ : Min @ Purata Skor $M_{\min}$ : Skor Minimum $M_{\max}$ : Skor Maksimum
Skor Domain (Konstruk)	$\sum \text{Skor Indikator} \div N \text{ Indikator}$	$N$ : Bilangan
Skor Indeks Komposit Kelestarian Hidup	$\sum \text{Skor Domain} \div N \text{ Domain}$	10 : Nilai skor tertinggi dianggarkan

Di peringkat ketiga pula dilakukan hitungan bagi mendapatkan Indeks Komposit Kelestarian Hidup Komuniti kajian. Skor indeks ini diperolehi dengan membahagikan jumlah skor bagi semua sembilan domain dengan bilangan domain. Purata skor bagi semua sembilan domain ini kemudian akan menghasilkan Indeks Komposit Kelestarian Hidup Komuniti kajian dengan menggunakan skor 10 sebagai skor maksimum. Nilai skor indeks yang mendekati 10 bermaksud tahap kelestarian hidup komuniti tersebut adalah baik. Sebaliknya, jika skor indeksnya mendekati nilai kosong, maka kelestarian hidup komuniti dilihat semakin merosot atau semakin terancam.

Bagi menjamin tahap kebolehpercayaan terhadap item-item yang dibangunkan sebagai perwakilan kepada setiap domain kelestarian hidup, maka analisis realibiliti Alpha Cronbach telah dilaksanakan. Menurut Nunnally (1978), pekali Alpha bagi menggambarkan kebolehpercayaan atau realibiliti sesuatu alat ukuran kebiasaannya berada antara nilai 0 dan 1. Maka, semakin tinggi nilai pekali Alpha dan mendekati angka 1, maka lebih dipercayai skala atau ukuran yang dihasilkan. Bagaimanapun, Nunnally menegaskan pekali Alpha yang menunjukkan nilai 0.7 ke atas sebagai pekali kebolehpercayaan yang boleh diterima dan dianggap memuaskan.

Sehubungan itu, analisis realibiliti yang dilakukan untuk keseluruhan item ukuran kelestarian hidup dalam kajian ini didapati tinggi dan boleh diterima. Nilai pengkali Alpha Cronbach bagi keseluruhan 149 item yang dijadikan perwakilan dalam ukuran Indeks Komposit Kelestarian Hidup ini didapati berada pada nilai 0.9222. Sementara nilai pekali Alpha Cronbach untuk kesembilan domain pula berada di antara nilai pengkali 0.7173 hingga 0.9025. Ini menunjukkan tahap kebolehpercayaan atau realibiliti bagi item-item yang digunakan sebagai perwakilan kepada ukuran Indeks Komposit Kelestarian Hidup Komuniti dalam kajian ini adalah tinggi dan sangat memuaskan.

**Jadual 2. Analisis Realibiliti Alpha Cronbach**

Domain	Bil Variabel/Item	Nilai Alpha Cronbach
Modal insan	16	.7436
Modal sosial	22	.7935
Modal kewangan/harta	16	.7718
Modal fizikal	45	.9025
Modal semulajadi	16	.8824
Modal budaya	5	.7432
Kemudahancaman	12	.7878
Intervensi polisi	7	.7484
Strategi lokal/institusi tempatan	10	.7173
<b>Indeks Komposit Kelestarian Hidup</b>	<b>149</b>	<b>.9222</b>

**Klasifikasi tahap kelestarian hidup komuniti kajian**

Secara ringkas, keseluruhan indeks kelestarian hidup komuniti minoriti Orang Asli dalam kajian ini dijana berdasarkan purata skor kumulatif daripada sejumlah 149 item yang mewakili sembilan domain. Sebahagian besar item dibina dalam format soalan berbentuk positif, sementara selebihnya dalam format soalan berbentuk negatif. Dalam proses memberi pemberat kepada setiap item ini, bagi soalan negatif diberi nilai ‘0’ kepada jawapan yang selari dengan soalan negatif, dan bagi jawapan sebaliknya pula diberi nilai ‘1’. Bagi soalan dalam format positif pula, sebarang maklumbalas yang bersifat positif kepada soalan tersebut diberi nilai ‘1’ sementara jawapan sebaliknya diberi nilai ‘0’. Berdasarkan skor kumulatif yang diperolehi setiap responden, perolehan markah maksimum bersamaan 149 mata menunjukkan tahap kelestarian hidup individu atau isirumah berkenaan berada pada tahap sempurna (*perfect*). Sebaliknya, bagi mereka yang mendapat markah kumulatif bersamaan nilai ‘0’ pula, ini menunjukkan tahap kelestarian hidup mereka adalah berada pada keadaan paling rendah dan sangat tidak memuaskan.

Bagi menentukan tahap tinggi, sederhana dan rendah kelestarian hidup komuniti kajian, klasifikasi berikut telah diperkenalkan mengikut julat nilai indeks atau min skor yang diperolehi oleh setiap responden.

**Jadual 3. Tafsiran skor domain dan Indeks Kelestarian Hidup Komuniti**

Nilai Indeks	Tahap Pencapaian Kelestarian Hidup	Tafsiran positif tahap pencapaian – kecuali untuk domain kemudahancaman	Tafsiran negatif tahap pencapaian – khusus untuk domain kemudahancaman.
8.000 ke atas	Tinggi	Kemajuan memberangsangkan ke arah kelestarian hidup yang lebih baik (Excellent progression towards sustainability)	Ancaman serius dalam kelestarian hidup sehingga ke peringkat tidak memuaskan
6.000 – 7.999	Sederhana	Permulaan baik ke arah menjamin kelestarian hidup yang berkekalan (Good start towards sustainability)	Penurunan tahap kelestarian hidup pada peringkat kurang memuaskan
5.999 ke bawah	Rendah	Tindakan bersesuaian perlu disegerakan bagi menjamin dan mengekalkan kelestarian hidup. (Action needed to undertake sustainability)	Pengekalan tahap kelestarian hidup pada peringkat memuaskan

## Komuniti kajian

Jadual 4 memaparkan taburan penduduk Orang Asli daripada ketiga-tiga rumpun suku kaum. Data menunjukkan bahawa sebahagian besar kelompok minoriti ini diwakili kumpulan etnik Negrito berbanding Senoi dan Melayu Proto. Empat daripada enam suku kaum dalam kumpulan Negrito mempunyai penduduk kurang daripada 400 orang. Ini merujuk kepada suku kaum Kensiu (221 orang, 58 KIR), Kintak (208 orang, 49 KIR), Lanoh (360 orang, 74 KIR) dan Mendriq (307 orang, 62 KIR). Dalam kalangan etnik Senoi, hanya satu suku kaum iaitu Che Wong mewakili kelompok minoriti dengan penduduk berjumlah 579 orang dan 145 KIR. Bagi kumpulan etnik Melayu Proto pula, kelompok terkecil adalah diwakili Orang Kanaq dengan populasi berjumlah 139 orang dan 29 KIR.

**Jadual 4. Taburan penduduk Orang Asli mengikut kumpulan Suku Kaum, 2010**

Kumpulan Etnik	Jumlah KIR	Jumlah Penduduk	Peratus
<b>NEGRITO</b>			
Kensiu*	58	221	0.1
Kintak*	49	208	0.1
Lanoh*	74	360	0.2
Jahai	504	2,358	1.3
Mendriq*	62	307	0.2
Bateq	307	1,478	0.8
<b>Jumlah</b>	<b>1,054</b>	<b>4,932</b>	<b>2.8</b>
<b>SENOI</b>			
Temiar	6,061	30,628	17.2
Semai	9,852	49,427	27.7
Semoq Beri	1,183	5,225	2.9
Che Wong*	145	579	0.3
Jahut	1,128	5,560	3.1
Mahmeri	905	3,700	2.1
<b>Jumlah</b>	<b>19,274</b>	<b>95,119</b>	<b>53.4</b>
<b>MELAYU PROTO</b>			
Temuan	6,384	27,996	15.7
Semelai	1,792	7,619	4.3
Jakun	7,848	34,802	19.5
Orang Kanaq*	29	139	0.1
Orang Kuala	624	3,527	2.0
Orang Seletar	349	1,664	0.9
<b>Jumlah</b>	<b>17,026</b>	<b>75,747</b>	<b>42.5</b>

Kajian ini melibatkan penelitian ke atas tujuh komuniti Orang Asli dari tiga rumpun suku kaum berikut.

1. Dari rumpun Negrito – orang Kensiu dari Kg Lubuk Legong, Baling, Kedah; orang Lanoh dari Kg. Air Bah, Lenggong, Perak dan orang Jahai dari RPS Air Banun, Gerik, Perak.
2. Dari rumpun Senoi - orang Che Wong dari Kuala Gandah, Lanchang, Pahang; dan orang Jah Hut dari Kg. Lubok Wong, Kuala Krau, Pahang.
3. Dari rumpun Melayu Proto - orang Kanaq dari Kg. Selangi, Mawai; dan orang Kuala dari Kg. Sg. Layau, Kota Tinggi, Johor.

Kajian dijalankan bagi membandingkan tahap kelestarian hidup dalam kalangan komuniti minoriti Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Bagi kumpulan etnik Negrito, tahap kelestarian hidup sukukau minoriti Lanoh dan Kensiu akan dibandingkan dengan sukukau Jahai sebagai mewakili kumpulan majoriti. Dalam konteks kumpulan Senoi pula, sukukau minoriti Che Wong akan digandingkan dengan kumpulan majoriti Jah Hut. Sementara, dalam kalangan Melayu Proto, perbandingan dilakukan di antara suku kaum minoriti Orang Kanaq dengan kumpulan majoriti Orang Kuala.

## Hasil kajian

Analisis kajian dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama melibatkan perbandingan ke atas indek kompositi kelestarian hidup komuniti secara keseluruhan di antara kumpulan minoriti dan majoriti yang mewakili setiap rumpun kumpulan Orang Asli. Sementara analisis peringkat kedua pula melibatkan perbandingan dari segi tahap pencapaian dalam setiap domain kelestarian hidup – sembilan domain – di antara suku kaum yang berbeza ini.

### *Kelestarian hidup Komuniti Negrito – Bandingan Suku Lanoh, Jahai dan Kensiu*

Penelitian ke atas Indeks Kelestarian Kehidupan keseluruhan dari kelompok Negrito menunjukkan dua kelompok berada pada tahap rendah, terutama bagi sukukau Lanoh dan Jahai, sementara di tahap sederhana bagi sukukau Kensiu. Jadual 5 mendapat indeks kelestarian hidup suku Jahai yang terlibat secara langsung dengan program pembangunan RPS dilaporkan lebih rendah berbanding suku Lanoh dan Kensiu. Dapatkan ini menunjukkan bahawa tahap kelestarian hidup suku Jahai sebagai kumpulan majoriti adalah tidak banyak berbeza dengan kelompok minoriti Lanoh dan Kensiu. Andaian awal bahawa suku Jahai yang menerima pelbagai bantuan daripada pihak pemerintah melalui program RPS, lantas boleh menunjukkan tahap kelestarian hidup lebih baik daripada suku Lanoh dan Kensiu ternyata meleset.

**Jadual 5. Perbandingan Indeks Komposit Kelestarian Hidup Keseluruhan di antara Kumpulan Etnik Negrito**

Kumpulan Etnik Negrito	Analisis Statistik	Indeks Kelestarian Keseluruhan*
Lanoh	Min	5.898
	N	44
	S.P	0.05472
Kensiu	Min	6.321
	N	55
	S.P	0.07969
Jahai	Min	5.240
	N	48
	S.P	0.08567

Analisis selanjutnya (lihat Jadual 6) ke atas penguasaan ketiga-tiga suku kaum Negrito ini dalam sembilan domain kelestarian hidup. Dapatkan kajian menunjukkan pencapaian setiap sukukau ini mengikut skor domain pada keseluruhannya adalah kurang memberangsangkan.

- Penggunaan penduduk ke atas **modal kewangan** dan **modal semulajadi** dilaporkan masih rendah.
- Kemajuan dalam **modal insan (manusia)** pula tidak seimbang antara sub kelompok Negrito ini. **Indeks modal insan (manusia)** suku Lanoh dan Jahai didapati berada pada tahap sederhana, manakala bagi Orang Kensiu pula di tahap rendah.

- **Indeks modal sosial** suku kaum Negrito hanya berada pada tahap sederhana, berbanding penguasaan tahap tinggi dalam **domain modal fizikal** dan **modal budaya**.
- Penelitian ke atas **indeks intervensi polisi pihak pemerintah** bagi menjaga dan melindungi kepentingan sukukau Negrito dilaporkan tinggi dan memuaskan.
- Namun, bagi **domain inisiatif lokal dan institusi setempat** yang berfungsi atas inisiatif sendiri bagi melindungi kepentingan komuniti adalah sangat rendah. Lantas, implikasinya mereka mudah terdedah kepada pelbagai ancaman berbentuk kejutan, bersifat bermusim dan mengikut perubahan tren pasaran dan birokrasi-pentadbiran.

**Jadual 6. Skor domain modal komuniti mengikut kumpulan Etnik Negrito, 2013**

Kumpulan Etnik Negrito		Domain Modal Insan*	Domain Modal Sosial*	Domain Modal Kewangan*	Domain Modal Fizikal*	Domain Modal Semulajadi*	Domain Modal Budaya*
<b>Lanoh</b>	Min	6.258	6.643	3.807	6.611	3.166	7.818
	N	44	44	44	44	44	44
	S.P	0.10823	0.08780	0.11737	0.06538	0.20109	0.29513
<b>Kensiu</b>	Min	3.023	6.421	3.636	8.327	5.670	8.618
	N	55	55	55	55	55	55
	S.P	0.16216	0.11032	0.15825	0.07038	0.26784	0.23372
<b>Jahai</b>	Min	6.605	5.824	2.409	5.111	2.786	8.417
	N	48	48	48	48	48	48
	S.P	0.11337	0.14271	0.16611	0.14431	0.28934	0.24740

\*\* Korelasi signifikan pada aras 0.01 (2-arah).

\* Korelasi signifikan pada aras 0.05 (2-arah).

**Jadual 6 (samb). Skor Domain Keterancaman, Domain Polisi dan Domain Strategi Lokal engikut Kumpulan Etnik Negrito, 2013**

Kumpulan Etnik Negrito	Analisis Statistik	Domain Intervensi Polisi*	Domain Strategi Lokal*	Domain Kemudahancaman*
<b>Lanoh</b>	Min	7.240	4.636	7.879
	N	44	44	44
	S.P	0.17805	0.19058	0.09918
<b>Kensiu</b>	Min	9.169	5.345	5.652
	N	55	55	55
	S.P	0.08989	0.21449	0.17836
<b>Jahai</b>	Min	7.143	4.771	8.316
	N	48	48	48
	S.P	0.29173	0.20342	0.16352

#### *Kelestarian hidup Komuniti Senoi – Bandingan Suku Che Wong dan Jah Hut*

Analisis ke atas Indeks Kelestarian Hidup keseluruhan untuk sukukau Che Wong dan Jah Hut daripada rumpun Senoi menunjukkan wujud perbezaan yang ketara. Jadual 7 menunjukkan indeks komposit kelestarian hidup keseluruhan kumpulan minoriti Che Wong berada pada tahap rendah berbanding Jah Hut pada tahap sederhana. Penemuan ini sekaligus menyokong andaian awal bahawa suku Che Wong sebagai kelompok minoriti telah berhadapan dengan masalah kelestarian hidup lebih rendah berbanding suku Jah Hut. Situasi ini memperlihatkan bahawa dalam berkongsi lokasi kediaman yang sama di

kawasan pinggiran, peluang-peluang kehidupan yang lestari tidak semestinya sama. Lantas, tindakan bersesuaian perlu segera diambil oleh pihak berkenaan bagi menjamin dan mengekalkan kelestarian hidup suku Che Wong, tanpa pula mengabaikan usaha-usaha ke arah meningkatkan kelestarian hidup suku Jah Hut ke tahap pencapaian yang lebih memuaskan di masa hadapan.

**Jadual 7. Perbandingan Indeks Komposit Kelestarian Hidup Keseluruhan di antara Kumpulan Etnik Senoi**

Kumpulan Etnik Senoi	Analisis Statistik	Indeks Kelestarian Keseluruhan*
Che Wong	Min	4.676
	N	31
	S.P	0.10302
Jah Het	Min	6.808
	N	50
	S.P	0.07112

Analisis lanjut ke atas penguasaan kedua-dua suku kaum Senoi ini dalam sembilan domain kelestarian hidup (lihat Jadual 8), kajian menunjukkan beberapa keputusan yang berbeza di antara suku Che Wong dan Jah Hut.

- Pencapaian suku Jah Hut ke atas semua domain kelestarian hidup adalah lebih baik berbanding Che Wong. Suku Jah Hut memperlihatkan pencapaian tahap tinggi dari segi modal fizikal, dan pencapaian tahap sederhana untuk modal insan, modal semulajadi, modal sosial dan modal budaya. Sebaliknya, pencapaian yang ditunjukkan suku Che Wong dalam keenam-enam domain modal ini kesemuanya adalah di tahap rendah.
- Penemuan ini menunjukkan bahawa melalui pelbagai bentuk pelaburan dalam pembangunan modal fizikal oleh pihak pemerintah, manfaatnya lebih dirasai oleh suku Jah Hut berbanding Che Wong.

**Jadual 8. Skor domain modal komuniti mengikut kumpulan Etnik Senoi, 2013**

Kumpulan Etnik Senoi	Domain Modal Insan* (16 Item)	Domain Modal Sosial* (22 Item)	Domain Modal Kewangan* (16 Item)	Domain Modal Fizikal* (45 Item)	Domain Modal Semulajadi* (16 Item)	Domain Modal Budaya* (5 Item)
Che Wong	Min 5.444	4.487	3.024	5.391	3.730	5.355
	N 31	31	31	31	31	31
	S.P 0.14270	0.14880	0.14710	0.19004	0.27362	0.33620
Jah Het	Min 7.063	6.300	4.287	8.062	6.638	7.440
	N 50	50	50	50	50	50
	S.P 0.15322	0.15284	0.19150	0.04752	0.19062	0.27713

\*\* Korelasi signifikan pada aras 0.01 (2-arah).

\* Korelasi signifikan pada aras 0.05 (2-arah).

**Jadual 8 (samb). Skor domain keterancaman, domain polisi dan domain strategi local mengikut kumpulan Etnik Senoi, 2013**

Kumpulan Etnik Senoi	Analisis Statistik	Domain Intervensi Polisi* (7 Item)	Domain Strategi Lokal* (10 Item)	Domain Kemudahancaman* (12 Item)
Che Wong	Min	3.779	2.774	6.613
	N	31	31	31
	S.P	0.19708	0.20930	0.19476
Jah Hut	Min	7.200	4.700	7.550
	N	50	50	50
	S.P	0.30675	0.23321	0.21587

- Hal sama juga diperhatikan untuk domain modal insan. Penguasaan modal insan yang baik (tahap sederhana) dalam kalangan suku Jah Hut telah menjadikan penduduknya lebih berdaya tahan dalam menghadapi segala macam perubahan dan cabaran hidup. Sebaliknya, pemilikan modal insan bertaraf rendah dalam kalangan suku Che Wong telah mendedahkan mereka kepada pelbagai situasi ketidaktentuan dalam pekerjaan, kurang berdaya saing dan ketinggalan dalam pelbagai peluang pembangunan ekonomi dan sosial. Keadaan ini dapat diperhatikan agak ketara apabila masalah pengangguran dan ketiadaan jaminan kerja dilaporkan tinggi dalam kalangan suku Che Wong berbanding Jah Hut. Analisis komposit pula membuktikan kekurangan dalam penguasaan suku Che Wong terutama dalam dua jenis aset iaitu aset pendidikan dan aset kemahiran pekerjaan telah meletakkan mereka dalam kedudukan kehidupan kurang lestari berbanding suku Jah Hut.
- Satu lagi hal berkaitan domain modal insan ini ialah kualiti kesihatan dan sumber manusia di antara kedua-dua suku kaum ini. Suku Che Wong didapati menghadapi pelbagai bentuk penyakit kronik dan masalah ketiadaan jaminan makanan (food insecurity) berbanding suku Jah Hut. Sementara bagi suku Jah Hut pula, pemasalahan berkaitan kesihatan lebih banyak dipengaruhi oleh perubahan gaya hidup, lantas mendedahkan mereka kepada pelbagai penyakit kronik moden seperti tekanan darah tinggi dan masalah jantung.
- Diteliti dari segi aset demografi (sumber manusia), suku Che Wong juga berhadapan dengan masalah peluang berkahwin yang terhad dan lewat, perkahwinan bawah umur yang tinggi, serta amalan merancang keluarga yang meluas sehingga menyebabkan pertumbuhan populasinya jauh lebih perlahan berbanding suku Jah Hut. Dari segi aset pendidikan dan kemahiran, suku Che Wong juga didapati kurang kelayakan akademik dan kebolehan literasi, serta kurang pendedahan kepada latihan kemahiran, lantas mereka sering terhalang daripada menikmati peluang-peluang bekerjaya yang lebih baik berbanding suku Jah Hut.
- Pencapaian suku Jah Hut dalam domain intervensi polisi juga diperhatikan lebih baik (tahap sederhana) berbanding suku Che Wong yang berada pada tahap rendah. Merujuk kepada pencapaian dalam domain strategi lokal pula, suku Jah Hut masih mengatasi suku Che Wong, walaupun tahap pencapaian kedua-dua suku kaum ini berada pada tahap rendah. Secara bandingan, suku Jah Hut dilihat mempunyai inisiatif sendiri yang lebih baik dalam memperbaiki diri dan kelangsungan hidup berbanding suku Che Wong.
- Diteliti dari domain kemudahancaman pula, keadaannya tidak banyak berbeza di antara suku Jah Hut dan Che Wong dengan kedua-duanya berada pada tahap sederhana. Namun begitu, berikutan mempunyai pencapaian lebih baik dalam domain intervensi polisi dan strategi lokal yang berpihak kepada suku Jah Hut, maka keupayaan mereka untuk menangkis segala bentuk ancaman kehidupan adalah lebih baik berbanding suku Che Wong.

### *Kelestarian hidup Komuniti Melayu Proto – Bandingan Sukukau Orang Kanaq dan Orang Kuala*

Analisis terhadap Indeks Kelestarian Hidup keseluruhan untuk Orang Kanaq dan Orang Kuala dari rumpun etnik Melayu-Proto menunjukkan wujud perbezaan ketara di antara kedua-dua kumpulan ini. Jadual 9 menunjukkan Indeks Komposit Kelestarian Hidup keseluruhan untuk suku minoriti Orang Kanaq berada pada tahap rendah, manakala Orang Kuala pada tahap sederhana. Penemuan ini menunjukkan bahawa andaian awal terhadap Orang Kanaq sebagai kelompok minoriti yang menghadapi masalah kelestarian hidup yang rendah berbanding Orang Kuala adalah terbukti benar. Penemuan ini memperlihatkan bahawa walaupun berkongsi lokasi kediaman dan rumpun etnik yang sama, peluang-peluang kehidupan di antara kedua-dua sukukau ini tidak semestinya sama. Peluang kehidupan lebih lestari lebih terserlah dalam kalangan Orang Kuala berbanding Orang Kanaq. Ini bermakna segala usaha perlu ditumpukan dalam membantu Orang Kanaq bagi mencapai kelestarian hidup yang lebih baik. Namun, usaha sedemikian juga perlu diteruskan tanpa mengabaikan kelompok Orang Kuala yang pada masa kini masih mempunyai ruang dan peluang untuk meningkatkan kelestarian hidup mereka ke tahap yang lebih baik lagi.

**Jadual 9. Perbandingan indeks komposit kelestarian Hidup keseluruhan di antara kumpulan Etnik Melayu-Proto**

Kumpulan Etnik Melayu Proto	Analisis Statistik	Indeks Kelestarian Keseluruhan*
Orang Kanaq	Min	5.550
	N	23
	S.P	0.06310
Orang Kuala	Min	7.360
	N	51
	S.P	0.05387

Dalam Jadual 10 pula, ternyata pencapaian yang ditunjukkan oleh kedua-dua sukukau Melayu-Proto ini dalam domain modal fizikal dan domain intervensi polisi pihak pemerintah bagi membantu meningkatkan kesejahteraan hidup mereka adalah memuaskan. Namun begitu, dari segi tahap penguasaan Orang Kanaq dan Orang Kuala ke atas dua petunjuk utama modal kewangan iaitu tingkat pendapatan dan pemilikan harta adalah didapati masih rendah. Malahan, perbandingan dari segi pencapaian kedua-dua kumpulan etnik Melayu-Proto ini dalam domain modal insan, modal sosial, modal semulajadi dan modal budaya, rata-rata didominasi Orang Kuala (tahap sederhana dan tinggi) berbanding Orang Kanaq yang keseluruhannya berada ditahap rendah dan sederhana sahaja.

**Jadual 10. Skor domain modal komuniti mengikut kumpulan Etnik Melayu-Proto, 2013**

Kumpulan Etnik Melayu Proto	Domain Modal Insan*	Domain Modal Sosial*	Domain Modal Kewangan*	Domain Modal Fizikal*	Domain Modal Semulajadi*	Domain Modal Budaya*
Orang Kanaq	Min	5.326	5.020	3.288	7.372	3.995
	N	23	23	23	23	23
	S.P	0.10125	0.14980	0.13220	0.05387	0.20273
Orang Kuala	Min	7.941	7.139	5.870	8.941	5.049
	N	51	51	51	51	51
	S.P	0.10554	0.15111	0.10539	0.04345	0.19679

\*\* Korelasi signifikan pada aras 0.01 (2-arah).

\* Korelasi signifikan pada aras 0.05 (2-arah).

**Jadual 10 (samb). Skor domain keterancaman, domain polisi dan domain strategi lokal mengikut kumpulan Etnik Melayu-Proto, 2013**

Kumpulan Etnik Melayu Proto	Analisis Statistik	Domain Intervensi Polisi*	Domain Strategi Lokal*	Domain Kemudahancaman*
Orang Kanaq	Min	6.957	3.739	5.217
	N	23	23	23
	S.P	0.22507	0.18639	0.19171
Orang Kuala	Min	8.235	6.824	5.539
	N	51	51	51
	S.P	0.21302	0.23639	0.26813

Dapatkan ini menunjukkan bahawa segala bantuan kerajaan yang disediakan untuk Orang Kanaq selama ini masih belum dapat meningkatkan penguasaan mereka ke atas beberapa modal kehidupan ke tahap yang lebih baik dan terjamin. Bantuan yang disediakan kepada Orang Kanaq setakat ini lebih menjurus kepada memenuhi keperluan dan penggunaan semasa terutama dalam bentuk makanan, pakaian dan pelbagai barang keperluan harian lain. Bantuan seumpama ini tidak dapat membantu mereka menjana peluang pendapatan dan kedudukan ekonomi yang lebih baik dan terjamin di masa hadapan. Sebaliknya manfaat bantuan kerajaan yang diterima Orang Kuala pula lebih menjurus kepada meningkatkan kualiti modal insan melalui bidang pendidikan dan kewangan dalam bentuk pinjaman, geran dan subsidi. Bentuk bantuan sedemikian telah membantu Orang Kuala meningkatkan peluang ekonomi dan menjana pendapatan yang lebih baik.

Merujuk kepada domain strategi lokal pula, Orang Kuala lebih menunjukkan inisiatif lokal yang lebih baik dalam memperbaiki diri dan kehidupan berbanding Orang Kanaq. Min skor domain strategi lokal bagi Orang Kanaq berada pada tahap rendah, sementara Orang Kuala pada tahap sederhana. Dapatkan ini membuktikan bahawa selain terlalu bergantung kepada bantuan intervensi pemerintah, usaha juga perlu dilakukan bagi membantu Orang Kanaq meningkatkan inisiatif diri dan komuniti setempat untuk membangunkan diri dalam menghadapi pelbagai cabaran dalam kehidupan semasa. Kegagalan sedemikian akan mendedahkan mereka secara berterusan kepada pelbagai ketidakpastian hidup di masa hadapan.

## Perbincangan dan kesimpulan

Pembinaan Indeks Kelestarian Hidup Komuniti dalam tulisan ini dibuat berdasarkan kerangka konseptual kelestarian hidup yang disesuaikan dari model yang dibangunkan oleh UK's *Department for International Development* (1999). Kerangka model ini merupakan suatu rangka kerja yang bersifat menyeluruh untuk menerangkan tentang sesuatu isu kelestarian hidup yang kompleks. Kelestarian hidup komuniti dapat diukur melalui beberapa kategori petunjuk. Secara ringkas, gabungan keseluruhan kategori petunjuk kelestarian hidup ini dapat menyediakan sebuah potret yang memaparkan keadaan kehidupan semasa masyarakat, dan kemudian berguna untuk dibuat suatu penilaian menyeluruh tentang pencapaian tahap kesejahteraan hidup komuniti tersebut.

Pemilihan petunjuk kelestarian hidup untuk komuniti Orang Asli ini melibatkan empat perkara berikut iaitu (i) penguasaan ke atas pelbagai aset modal kehidupan yang merangkumi modal fizikal, modal semulajadi, modal insan, modal kewangan, modal sosial dan modal budaya; (ii) pendedahan penduduk kepada pelbagai ancaman dalam kehidupan yang bersifat bermusim, berbentuk kejutan atau perubahan mengikut tren pasaran dan alam sekitar; (iii) tahap intervensi polisi/dasar di peringkat nasional dalam melindungi dan meningkatkan daya tahan komuniti, dan (iv) keupayaan strategi lokal/institusi tempatan dalam menghadapi dan menanggani sesuatu ancaman dalam kehidupan.

Pengamatan ke atas indeks komposit kelestarian hidup komuniti Orang Asli secara keseluruhan berada pada tahap rendah. Sebahagian besar komuniti minoriti Orang Asli ini memiliki nilai Indeks Kelestarian

Hidup yang rendah berbanding mereka dari kumpulan majoriti. Namun begitu, penemuan ini tidak konsisten untuk semua keadaan. Terdapat juga dalam kalangan kelompok majoriti ini memiliki Indeks Kelestarian Hidup tahap rendah walaupun sudah mendapat pelbagai bantuan melalui intervensi polisi pembangunan fizikal pemerintah bagi membangunkan komuniti tersebut. Hal ini merujuk khusus kepada kelompok Jahai di RPS Air Banun, Gerik, Perak di mana Indeks Kelestarian Hidup mereka masih di tahap rendah selari dengan indeks yang diperolehi kelompok minoriti yang lain.

Penelitian menyeluruh terhadap penguasaan komuniti kajian ke atas sembilan domain kelestarian hidup menunjukkan bahawa tahap pencapaian dalam pembangunan modal fizikal di semua petempatan Orang Asli setakat ini adalah amat memberangsangkan. Sementara, keadaan kurang memberangsangkan pula berlaku dalam penilaian terhadap tahap pencapaian keseluruhan komuniti terutama dalam aspek modal semulajadi, modal insan, dan modal kewangan. Analisis ke atas tahap keterancaman dalam kalangan komuniti kajian juga menunjukkan tahap pencapaian yang tidak memuaskan. Sebahagian besar komuniti minoriti Orang Asli ini dilaporkan kini berhadapan dengan pelbagai bentuk ancaman terutamanya akibat daripada perubahan musim dan tren turun naik pasaran tempatan dan global sehingga boleh memberi ancaman kepada kelangsungan hidup mereka. Merujuk kepada domain intervensi polisi/dasar anjuran pemerintah dalam melindungi komuniti setempat pula, secara perbandingan telah berjaya dimanfaatkan oleh anggota komuniti di kawasan kajian. Melihat kepada domain strategi lokal dan organisasi setempat pula dalam menanggani kepelbagaiannya ketidaktentuan dalam kehidupan komuniti, pencapaian yang ditunjukkan pada keseluruhannya adalah kurang memuaskan. Secara perbandingan, sebahagian besar komuniti minoriti masih kekurangan strategi lokal dan inisiatif setempat dalam menghadapi pelbagai ketidaktentuan hidup. Mereka masih tidak dapat mengerakkan inisiatif lokal dalam berhadapan dan menanggani sebarang cabaran dan ancaman yang wujud. Senario ini bagaimanapun kurang menyerlah dalam konteks komuniti kajian yang mewakili kelompok majoriti.

## **Penutup**

Penemuan kajian membuktikan bahawa masih banyak perlu dilakukan bagi mempertahankan dan mempertingkatkan kesejahteraan hidup komuniti Orang Asli di negara ini, khususnya bagi mereka dalam kumpulan minoriti. Kajian semula oleh pihak kerajaan dalam menyediakan sesuatu bantuan untuk Orang Asli hendaklah dilakukan sesuai mengikut domain asset tertentu. Bentuk bantuan disediakan semestinya menjurus kepada usaha meningkatkan penguasaan mereka ke atas modal kewangan dan modal insan yang lebih baik. Mereka juga perlu diberi lebih ruang dan peluang untuk menjalani hidup secara berdikari dan lebih terjamin di masa hadapan melalui akses kepada asset-asset tertentu terutamanya sumber semulajadi, meningkatkan modal kewangan dan modal insan, serta khidmat nasihat memperkasa strategi lokal dalam menghadapi sesuatu cabaran dan ancaman demi kelangsungan kehidupan mereka sendiri.

## **Penghargaan**

Kajian ini telah dibiayai melalui dana penyelidikan Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS – Bottom Up: 2011-2016 Kod: LRGS/BU/2011/UITM/UKM/PB/03), Kementerian Pelajaran & Pengajian Tinggi Malaysia di bawah *niche area: National Heritage* dengan tajuk “*Evolutionary Genomics & Anthropological Approaches On Endangered Malaysian Aborigine Populations: Towards Ensuring Their Sustainability*”.

## **Rujukan**

Department for International Development (1999) *Sustainable Livelihoods Guidance Sheet: Introduction*. Available from: [http://www.livelihoods.org/info/info\\_guidancesheets.html#1](http://www.livelihoods.org/info/info_guidancesheets.html#1).

- Kua Kia Song (2002) *Malaysian Critical Issues*. Yinlin Press Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Mustaffa Omar (2008) Orientasi Nilai dan Penilaian Komuniti Orang Asli di Cameron Highlands: Satu Analisis Perbandingan. *Prosiding Persidangan Perdana Pribumi Malaysia*, hlmn 333-360.
- Nor Hayaati Abdul Rashid (2005) Program Pembaikan Taraf Makanan dan Kesihatan. In: Osman Ali, Zaleha Md. Isa (eds) *Kehidupan dan Kesihatan Orang Asli di Malaysia*. Universiti Malaysia Sabah.
- Nunnally J (1978) *Psychometric theory*. McGraw-Hill, New York.
- Suki Mee (2003) *Pembangunan ekonomi dan keusahawanan Orang Asli*. Konvensyen Pembangunan Orang Asli Pahang Darul Makmur.